

Jualan penghabisan stok Al-Ikhsan

Sebanyak 48,000 barangan sukan berjenama dijual bertempat di Unisza

KUALA NERUS- Pengedar barangan sukan berjenama, Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan) buat julung kalinya mengadakan jualan gudang bertempat di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), kampus Gong Badak bermula 11 hingga 20 Mac depan.

Timbalan Pengurus Besarnya, Norita Mohd Noor berkata, Jualan Gudang ini merupakan yang ketiga dianjurkan Al-Ikhsan bagi tahun 2016, selepas diadakan di Johor dan Klebang, Perak.

"Ini merupakan salah satu strategi Al-Ikhsan untuk menarik lebih ramai pelanggan, selain menghabiskan stok yang masih ada.

"Lebih menarik, pelbagai barangan Al-Ikhsan dijual dengan potongan harga se-

hingga 70 peratus seperti kasut bola sepak (soccer), futsal, gaya hidup (lifestyle), kanak-kanak dan wanita, jersi dan lain-lain. Selain itu, potongan harga boleh menjangkau sehingga 80 peratus pada waktu happy hour," katanya.

Jelas beliau, lebih kurang 48,000 barangan Al-Ikhsan yang dibawa dari ibu pejabat Al-Ikhsan di Johor bersempena jualan gudang kali ini.

Katanya, jika sebelum ini pihaknya mengadakan jualan di outlet Al-Ikhsan di seluruh negara, kali ini mereka membawa kelainan dengan mengadakan jualan gudang untuk memudahkan para pelanggan mereka mendapatkan barangan Al-Ikhsan dengan harga yang lebih murah.

"Bagi memberi peluang kepada orang ramai dan minat barangan sukan, jual-

ADVERTORIAL



Sebahagian daripada pengunjug yang tidak melepaskan peluang ke Jualan Gudang Al-Ikhsan di Unisza kampus Gong Badak.

an kali ini kita adakan dalam tempoh yang agak lama iaitu selama 10 hari.

"Lebih menarik, kita turut mengadakan pertandingan akhir Misi Mencari Ali (MMA) dengan finalis seramai 47 orang. Melalui program MMA, Al-Ikhsan dapat

mengetengahkan para pelapis muda yang mempunyai bakat dan kemahiran bermain bola sepak.

"Pertandingan akhir MMA diadakan pada 13 Mac di perkarangan Dewan Gemilang, Unisza kampus Gong Badak," katanya.



Norita (tengah) bersama krew Al-Ikhsan dan para finalis Misi Mencari Ali.

Al-Ikhsan merupakan syarikat pertama di Asia Tenggara yang diberi kepercayaan membuka gedung berjenama Nike dan turut menjual jenama terkenal lain seperti Adidas, Umbro, Lotto dan Diadora, selain mempunyai jenama sendiri iaitu Al.